



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PELAN HALA TUJU  
KUALA LUMPUR KE ARAH SIFAR SISA 2040**

**15 MEI 2025**

**AUDITORIUM DBKL  
MENARA DBKL 1**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ  
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
رَبَّنَا آتَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً، وَهَيْئَنَا  
مِنْ أَمْرِنَا رَشْدًا. رَبِّ الْشَّرْخِ لِي  
صَدْرِي، وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي، وَأَحْلِلْ  
عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي، يَفْقَهُوا قَوْلِي.

## **SALUTASI**

- **Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail – Ahli Parlimen Bandar Tun Razak**
- **Datuk Bandar – Dato' Seri Maimunah**
- **Datuk Ramli – Timbalan Ketua Pengarah**
- **Yang Berhormat Saudara Zahir – Ahli Parlimen Wangsa Maju**
- Para hadirin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Pelan Hala Tuju Kuala Lumpur ke Arah Sifar Sisa 2040 pada hari ini. Saya melihat majlis pada hari ini sebagai satu isyarat permulaan kepada perubahan budaya dan paradigma yang besar buat ibu kota kita ini.

2. Sebelum saya mulakan ucapan ini, saya nak kongsikan sedikit tentang hasil lawatan kerja saya dan delegasi Wilayah Persekutuan ke Itali minggu lalu. Wakil DBKL yang turut bersama saya dalam misi tersebut adalah Tuan Haji Rosli dari Jabatan Perancangan Bandar.

3. Alhamdulillah, Malaysia kini adalah merupakan negara pertama di luar benua Eropah diterima masuk sebagai ahli dalam Davos Baukultur ([bow-cool-tour](#)) Alliance, salah satu usaha di bawah World Economic Forum, dan Kuala Lumpur telah diletakkan dalam program *pioneering places* bagi Baukultur ini yang memberi keutamaan kepada pembangunan bandar raya yang lebih mampan, menjaga kepentingan bangunan warisan atau *heritage* dan mengikut kehendak atau keperluan komuniti.

4. Ini satu pencapaian yang saya rasa harus dibanggakan, dan saya minta DBKL untuk susuli tindakan-tindakan selanjutnya selepas ini.
5. Baik, kembali ke sifar sisa. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak DBKL atas komitmen untuk merintis satu pendekatan holistik dalam pengurusan sisa di Kuala Lumpur.
6. Komitmen ini memperkuuhkan lagi misi kita untuk menjadikan Wilayah Persekutuan ini sebagai model kepada pembangunan bandar yang lestari dan berpaksikan kesejahteraan rakyat.

7. Inisiatif ini juga bertepatan dengan kerangka pembangunan Bandar CHASE yang merupakan agenda strategik mengarusperdanakan kelestarian sebagai teras pembangunan masa depan Wilayah Persekutuan, khususnya di Kuala Lumpur, di mana inisiatif sifar sisa ini adalah manifestasi kepada teras *Clean* dan *Eco-friendly* dalam kerangka ini.

# **PELAN HALA TUJU KUALA LUMPUR KE ARAH SIFAR SISA 2040 BUKTI PELAKSANAAN REFORMASI KERAJAAN**

Hadirin sekalian,

8. Hakikatnya, pada setiap hari, lebih 2,000 tan sisa pepejal dikumpulkan di Kuala Lumpur. Angka ini tidak cuma menunjukkan skala masalah yang sedang kita hadapi, bahkan juga menggariskan keperluan untuk kita beralih daripada pendekatan reaktif kepada pendekatan yang lebih reformatif.

9. Saban tahun, DBKL membelanjakan secara purata kira-kira 260 juta ringgit bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Ini satu angka yang besar dan tidak boleh kita biarkan terus bertambah.

10. Sebab itulah saya lihat bahawa bebanan pengurusan ini tidak seharusnya diletakkan di atas tanggungjawab DBKL semata-mata. Ia mesti dipacu oleh semua pihak melalui pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society*, termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, komuniti mahupun institusi-institusi pendidikan. Ia harus digerakkan secara serentak dan perlu saling melengkapi antara satu dengan yang lain.

11. Dasar dan peraturan kita perlu bersifat lebih progresif dan responsif serta teknologi perlu digunakan secara bijak untuk memantau, mengasing dan memproses sisa secara lebih efisien. Pendidikan dan kesedaran awam pula perlu ditanam sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Dalam masa yang sama, pihak industri juga perlu melangkah lebih jauh ke hadapan, bukan sahaja menyesuaikan diri, tetapi menjadi antara pendukung utama kepada perubahan.

12. Saya masih lagi ingat waktu saya sebut tentang komitmen sifar sisa ini pada Program Hari Cuci Malaysia pada bulan September tahun lalu, ada yang bertanya kepada saya, “YB, boleh ke Kuala Lumpur capai sifar sisa ni?”. Yang bertanya itu pun warga DBKL sendiri. Saya optimis! Jawapan saya dan saya tetap konsisten hingga hari ini – Mesti boleh!
  
13. Bukti keyakinan itu adalah pelan yang kita akan luncurkan hari ini, di mana pelan ini adalah janji kita bersama bahawa kita tidak mahu lagi menangguhkan perubahan yang sepatutnya sudah lama berlaku dan terlaksana.

## **PELAN PERLU BERGERAK DENGAN AKAUNTABILITI**

Para hadirin sekalian,

14. Untuk memastikan kita capai segala apa yang dirancang ini, tindakan kita perlu segera. Kita perlu kan tindakan reformis yang tuntas, tidak hanya bercakap dan tertulis atas kertas semata-mata.

15. Jangan lagi ada yang mempertikaikan kebolehlaksanaan, sebaliknya bergeraklah secara berpasukan, dengan mencari solusi terbaik. Biar kita penat sedikit sekarang, tapi ianya untuk kebaikan generasi masa depan, yang kita ingin wariskan bandar ini kepada mereka.

16. Ini perlu kepada tekad dan langkah yang lebih berani. Saya sarankan pihak DBKL untuk mempertimbangkan pengenalan zon sifar sisa di kawasan-kawasan tumpuan, mewujudkan pensijilan komuniti hijau dan meneliti kemungkinan pemberian insentif fiskal kepada premis perniagaan dan industri yang mengamalkan pendekatan pemulihan sisa ini.
17. Pelan ini perlu bergerak dengan kerangka akauntabiliti yang jelas. Kita perlu tahu apa yang hendak dicapai pada tahun 2026, 2030 dan seterusnya apa garis penamat yang ingin kita capai pada tahun 2040, *what will be our end game or result.*

18. Peta pelaksanaan ini perlu disokong dengan data. Pemantauan berasaskan prestasi juga penting untuk kita refleks tentang *our current state* (pencapaian kini) dan intervensi apa yang kita perlukan untuk jangka masa pendek, sederhana mahupun panjang.

19. Dalam masa yang sama, saya juga menyarankan agar pelan ini disampaikan semula kepada rakyat dalam bahasa mudah. Pada saya, komunikasi adalah sebahagian daripada dasar. Jika rakyat tidak faham, mereka tidak akan ikut, kerana komunikasi yang berkesan tidak hanya memahamkan, tetapi memobilisasikan rakyat. Maka, pelan ini perlu dihidupkan dalam bentuk kempen komuniti, modul pendidikan serta naratif media yang lebih dekat dengan kehidupan seharian rakyat.

## **PENUTUP**

Hadirin sekalian,

20. Sifar sisa ini bukanlah misi kosmetik. Ini adalah cerminan tamadun, dan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia mesti menjadi cerminan kepada hasrat ini. Usaha ini bukan tentang siapa yang lebih banyak bercakap tentangnya, tetapi siapa yang lebih bersungguh-sungguh bertindak. Saya yakin, jika kita benar-benar bersatu hati dan tidak kompromi, kita akan lihat hasilnya dalam kehidupan harian kita.

21. Sekali lagi, terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan pelan ini. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah lebih penting daripada pengumuman. *We do not have much time, we need to start now!*

22. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya meluncurkan Pelan Hala Tuju Kuala Lumpur Ke Arah Sifar Sisa 2040. Semoga usaha ini membuka jalan kepada Kuala Lumpur yang lebih bersih, lebih sejahtera dan lebih membanggakan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah  
wassalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

Terima kasih.